

SIARAN MEDIA

DEMONSTRASI AHLI PARLIMEN PN MEMBANTUTKAN PROSES PENGGUBALAN RUU PEMBAHARUAN SEMULA BANDAR DEMI MANFAAT RAKYAT

PUTRAJAYA, 22 Februari 2025 - Serahan memorandum membantah RUU Pembaharuan Semula Bandar oleh Pengerusi Gerakan Pembela Ummah (UMMAH), Mohd Zai Mustafa mewakili 31 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Melayu-Islam kepada Ketua Pembangkang Dato' Seri Hamzah Zainuddin mewakili Ahli-ahli Parlimen Perikatan Nasional (PN) akan membantutkan proses penggubalan Rang Undang-Undang Pembaharuan Semula Bandar yang dirangka dengan teliti untuk kepentingan dan manfaat rakyat, khususnya kepada komuniti dan pemilik hartanah yang usang di kawasan bandar.

RUU Pembaharuan Semula Bandar sedang dalam semakan untuk kelulusan Jabatan Peguam Negara (*Attorney General Chambers-AGC*). Setelah mendapat kelulusan AGC, RUU Pembaharuan Semula Bandar perlu dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri dijangka pada Mac 2025 dan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) yang dijangka akan diadakan pada bulan Mei 2025. Selanjutnya, RUU ini akan dibentangkan di Parlimen pada bulan Jun 2025.

Berhubung dengan kenyataan yang menyatakan bahawa Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) tidak bersetuju dengan penggubalan RUU ini adalah sama sekali tidak benar. Hakikatnya JKPTG melalui Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah bersetuju secara prinsip terhadap cadangan penggubalan RUU ini di Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2024 mengenai 'Prinsip dan Objektif Cadangan Penggubalan Akta' yang tertumpu kepada usaha meningkatkan inklusiviti dan daya tahan bandar.

Berkaitan dengan kerisauan Ahli Parlimen Kubang Kerian yang menyatakan RUU ini akan menghapuskan bangsa Melayu serta golongan B40 dan M40 secara halus juga tidak benar kerana RUU Pembaharuan Semula Bandar berpegang kepada 10 prinsip yang secara strategiknya memastikan ketelusan pentadbiran Kerajaan dan jaminan mengekalkan hak-hak yang dinikmati oleh pemilik hartanah berdaftar. Antara prinsip utama PSB adalah mendapatkan persetujuan pemilik, pengekalan penduduk asal dan menjaga kepentingan pemilik tanah dan penyelarasan kos caj penyelenggaraan yang wajar.

Gubalan RUU Pembaharuan Semula Bandar sama sekali tidak menyebabkan pindaan kepada akta-akta lain seperti yang disebut oleh Ahli Parlimen Kota Bharu iaitu Perlembagaan Persekutuan, Kanun Tanah Negara (Akta 828) dan Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486). Kementerian telahpun membuat kajian kepada lebih 17 akta berkaitan pembangunan hartanah termasuklah akta-akta yang disebut bagi mengelakkan pertindihan dan percanggahan dari sudut perundangan. Sebaliknya RUU Pembaharuan Semula Bandar ini akan melengkapi akta-akta tersebut malah telah menyediakan peruntukan tambahan bagi menjaga hak dan kepentingan pemilik dan pemunya hartanah sedia ada.

Dari sudut amalan perancangan bandar di seluruh dunia, pembaharuan semula bandar telah diiktiraf sebagai kaedah yang paling sesuai bagi menyelesaikan isu-isu dan kemaslahatan perbandaran, kewujudan bangunan lama yang usang dan tidak selamat diduduki. Keputusan membiarkan bangunan-bangunan lama kekal usang dengan kemudahan dan infrastruktur yang daif dan tidak berkualiti bukan satu pilihan dalam menjalankan tatakelola dan pengurusan bandar yang berkesan. Ikhtiar dan dokongan pelbagai pihak adalah diperlukan dan pendekatan ‘tidak berbuat apa-apa’ (*do nothing strategy*) bukanlah pilihan Kerajaan MADANI yang memfokus kepada aspek kemanusiaan untuk kesejahteraan rakyat secara jangka panjang.

YBhg. Datuk TPr Dr. Alias Bin Rameli
Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

#PLANMalaysia
#PasukanKPKT
#RUUPSB
#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertiwi

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang merupakan peneraju agenda perancangan pembangunan negara.

*Dikeluarkan Oleh: Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Blok F5, Kompleks F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8091 0000 | Email: alias@planmalaysia.gov.my*